



## 300 calon SPM 2021 Pahang peroleh semua A

Asrol Awang - Jun 16, 2022 @ 1:51pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Tiga ratus daripada 17,528 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 di Pahang berjaya memperoleh keputusan semua A.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, Mohammad Rosli Abdul Rahman, berkata pencapaian keseluruhan prestasi Gred Purata Negeri (GPN) pula ialah 4.74 dengan 10 sekolah tersenarai sekolah terbaik di negeri ini termasuk tiga sekolah harian.

Sekolah terbaik adalah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Rahman Talib dan Sekolah Menengah (SM) Sains Sultan Haji Ahmad Shah di Kuantan, SM Sains Tengku Abdullah di Raub dan SBPI Temerloh.

Selain SMK Jengka Pusat di Maran, SMA Persekutuan Bentong, SMK Seri Bera serta SBPI Tun Abdul Razak dan Sekolah Sultan Haji Ahmad Shah di Pekan.

"Bagi prestasi calon dalam kalangan pelajar Orang Asli, seramai 24 daripada 616 calon memperoleh keputusan sekurang-kurang 5A," katanya pada sidang media di SMK Abdul Rahman Talib, di sini hari ini.

Beliau berkata, daripada 106 calon berkeperluan khas, lima memperoleh sekurang-kurangnya 5A, iaitu membabitkan dua calon kurang upaya penglihatan dan tiga calon masalah pembelajaran.



Mohammad Rosli menyampaikan slip keputusan SPM 2021 kepada calon cemerlang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Rahman Talib, Kuantan. - NSTP/ASROL AWANG